LOGO
SEKOLAH

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN...

UJIAN DIAGNOSTIK 3
SEJARAH
Kertas 1 **1249/1**
Tingkatan 5
Nov 2023
1 jam **Satu jam**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan.**
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi **16 halaman bercetak**

[Lihat halaman sebelah

Maklumat berikut merupakan alat kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.

- Nobat
- Regalia
- Cop Mohor

1 Apakah kepentingan alat tersebut ?

A Menjadi hantaran perkahwinan

B Merupakan bahan perdagangan

C Membuktikan kekuatan kerajaan

D Melambangkan kedaulatan pemerintah

Rajah berikut merujuk bidang tugas pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Pembesar	**Tugas**
Temenggung	Menjaga keselamatan kota Melaka
Laksamana	**X**

2 Apakah **X** ?

A Mengetuai utusan luar

B Mengutip cukai pelabuhan

C Menjadi panglima angkatan laut

D Mengawal perbendaharaan negara

Gambar berikut merujuk tokoh nasionalis Thailand pada abad ke-20.

Nai Pridi Phanomyong

Field Marshall Phibul Songkram

3 Apakah kesan perjuangan mereka ?

A Kebebasan bergerak disekat

B Pentadbiran komunis bermula

C Ekonomi kawalan dilaksanakan

D Sistem raja berkuasa mutlak berakhir

Maklumat berikut merujuk kepada tokoh intelektual berpendidikan agama.

- Syed Sheikh al-Hadi
- Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin

4 Bagaimanakah tokoh tersebut menyebarkan pengaruh mereka ?

I Menerbitkan akhbar

II Menubuhkan madrasah

III Mengadakan persidangan

IV Menandatangani perjanjian

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

Rajah berikut merujuk kepada perjanjian yang ditandatangani selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.



5 Apakah yang disarankan dalam deklarasi tersebut ?

A Saiz angkatan tentera dihadkan

B Kuasa mutlak raja dikurangkan

C Sempadan negara berasaskan bangsa

D Pembentukan kerajaan bercorak republik

Pernyataan berikut menerangkan kesan Perang Dunia Kedua.

Perang di Eropah dan di Asia Pasifik telah mengorbankan hampir 75 juta nyawa dan membawa kemusnahan harta benda.

6 Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut ?

A Menghargai nikmat keamanan

B Kesepakatan membawa berkat

C Mengutamakan kekuatan tentera

D Kewibawaan pemimpin asas kejayaan

Syarat kewarganegaraan berikut diberikan kepada seseorang individu kesan daripada perubahan pentadbiran di Tanah Melayu pada abad ke-20.

- Kewarganegaraan berasaskan prinsip *jus soli*
- Seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura
- Berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara

7 Perubahan pentadbiran tersebut merujuk kepada pelaksanaan pentadbiran

A Melayu Raya

B Malayan Union

C Persekutuan Malaysia

D Persekutuan Tanah Melayu

Rajah berikut berkaitan kongres yang diadakan di Tanah Melayu pada abad ke-20.

Tarikh	1 Mac – 4 Mac 1946
Tempat	Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur

8 Apakah kesan daripada kongres tersebut ?

A Penubuhan UMNO

B Pengunduran tentera Jepun

C Pelaksanaan perintah berkurung

D Pengharaman parti politik radikal

Petikan berikut menerangkan hartal yang diadakan di negara kita pada tahun 1940-an.

> **20 SEPTEMBER 1947**- Parti gabungan PUTERA-AMCJA telah menganjurkan hartal dengan meminta semua peniaga menutup kedai mereka.

9 Mengapakah parti tersebut bertindak demikian ?

A Penjajahan tentera Jepun

B Pengenalan Malayan Union

C Penolakan Perlembagaan Rakyat

D Pembubaran Parti Komunis Malaya

Mary dilahirkan di Amerika Syarikat namun bapanya merupakan Rakyat Raja dan Rakyat British.

10 Mary layak memperoleh kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu 1948 secara

A naturalisasi

B pendaftaran

C percantuman wilayah

D kuat kuasa undang-undang

Maklumat berikut berkaitan ordinan yang diperkenalkan di Tanah Melayu.

Trade Union Ordinance No. 9 of 1948

11 Mengapakah ordinan tersebut diluluskan ?

A Menyelaraskan upah pekerja

B Menyekat kemasukkan imigran

C Menghalang pengaruh komunis

D Memajukan pertanian komersial

12 Pilih pasangan yang **tepat** tentang peranan pasukan keselamatan yang ditubuhkan untuk menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

	Pasukan	Tugas
A	Home Guard	Melindungi pekerja lombong bijih timah
B	Auxiliary Police	Mengesan tempat persembunyian komunis
C	Senoi Praaq	Mempertahankan bandar dan kampung
D	Special Constables	Membuat rondaan di pinggir hutan

Isu berikut dihadapi orang Melayu sebelum kemerdekaan Tanah Melayu.

> Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan.

13 Bagaimanakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mengatasi isu tersebut ?

A Menetapkan kuota pelaburan asing

B Mengurangkan kemasukan golongan imigran

C Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)

D Menggiatkan fungsi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Maklumat berikut berkaitan sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu sebelum merdeka.

- Sekolah Melayu
- Sekolah Cina
- Sekolah Tamil

14 Apakah kesan daripada pendidikan tersebut ?

A Perpaduan sukar dicapai

B Pengaruh komunis tersekat

C Kemahiran pekerja meningkat

D Kemasukkan imigran bertambah

Pernyataan berikut berkaitan rundingan yang diadakan di London.

Pada 14 Mei 1954, Tunku Abdul Rahman telah mengadakan rundingan dengan Oliver Lyttelton, Setiausaha Tanah Jajahan British di London.

15 Apakah isu yang dibincangkan dalam rundingan tersebut ?

A Pembubaran Sistem Ahli

B Penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya

C Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

D Keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan

Petikan berikut merupakan sebahagian ucapan Tunku Abdul Rahman pada tahun 1955.

" Ini adalah hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini… Buat pertama kalinya Majlis ini bersidang sebagai sebuah majlis yang majoriti ahlinya dipilih."

16 Majlis dalam petikan tersebut merujuk kepada

A Majlis Raja-Raja Melayu

B Majlis Eksekutif Persekutuan

C Majlis Mesyuarat Perundangan

D Majlis Perundangan Persekutuan

17 Apakah sumbangan tokoh-tokoh berikut terhadap negara kita ?

- Dato' Panglima Bukit Gantang
- Dato' Mohamad Seth Mohammad Said
- Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood

A Menubuhkan Parti Perikatan

B Menyertai rombongan kemerdekaan

C Menggubal perlembagaan Persekutuan

D Merangka dasar pendidikan kebangsaan

Pertubuhan berikut telah mengemukakan memorandum bertulis kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Parti Perikatan
- Dewan Perniagaan Melayu
- Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya

18 Apakah isu yang disuarakan dalam memorandum tersebut ?

A Pilihan raya

B Agama rasmi

C Kewarganegaraan

D Bahasa kebangsaan

19 Mengapakah jawatankuasa berikut dibentuk ?

Jawatankuasa Persediaan Fizikal

A Memupuk perpaduan antara kaum

B Menyediakan perumahan kos rendah

C Meningkatkan taraf kesihatan rakyat

D Menonjolkan identiti negara merdeka

Peristiwa berikut berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1950-an.

- Bendera ***Union Jack*** diturunkan
- Lagu ***God Save The Queen*** dimainkan

20 Apakah kepentingan peristiwa tersebut ?

A Menandakan berakhirnya pentadbiran Britain

B Mengiktiraf kedaulatan Majlis Raja-Raja Melayu

C Mengesahkan pelantikan Gabenor Malayan Union

D Memperakui kesahihan keputusan Pilihan Raya Umum

Maklumat berikut berkaitan dengan jenis-jenis kedaulatan.

- Kedaulatan Tradisional
- Kedaulatan Undang-undang
- Kedaulatan **X**

21 Apakah **X** ?

A Agama

B Pertahanan

C Antarabangsa

D Perlembagaan

22 Bagaimanakah rakyat dapat mengeratkan perpaduan sesama mereka?

I Memperjuangkan persamaan hak

II Menggunakan bahasa kebangsaan

III Mengamalkan semangat perkongsian kuasa

IV Mempertahankan kebudayaan bangsa sendiri

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

23 Antara berikut, manakah perkara yang menjadi rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957?

A Kebebasan hak bersuara

B Kewarganegaraan yang sama

C Penggunaan bahasa kebangsaan

D Pelaksanaan pendidikan vernakular

24 Apakah perkara yang dipinda dalam pindaan Perlembagaan 1965?

A Hubungan luar

B Sistem pendidikan

C Bahasa kebangsaan

D Struktur mahkamah

Gambar berikut berkaitan dengan persidangan Durbar yang pertama pada tahun 1897.

25 Persidangan tersebut bertujuan untuk membincangkan ...

A perubahan sempadan

B hal-ehwal pentadbiran

C pindaan perlembagaan

D syarat kewarganegaraan

Seseorang menteri perlu mempertahankan keputusan bersama dalam Jemaah Menteri.

26 Apakah yang perlu dilakukan oleh menteri yang tidak bersetuju dengan keputusan Jemaah Menteri ?

A Meletakkan jawatan

B Menghentikan sesi persidangan

C Mengadakan undi tidak percaya

D Mengemukakan bantahan bertulis

Gambar menunjukkan fenomena yang berlaku dalam Taman X.

Longgokan Sampah

27 Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah tersebut

A Kerajaan Tempatan

B Jabatan Ketua Menteri

C Badan Bukan Kerajaan

D Majlis Tindakan Negara

Perkara berikut berkaitan dengan kawalan keselamatan di negara kita.

Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM)

28 Mengapakah kawasan keselamatan tersebut diistiharkan ?

A Rusuhan kaum

B Serangan lanun

C Ancaman komunis

D Penularan penyakit

29 Antara berikut wilayah manakah yang menyertai gagasan Malaysia pada tahun 1963?

I Brunei

II Thailand

III Sarawak

IV Singapura

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

30 Mengapakah terdapat penduduk di Sabah yang menolak cadangan pembentukan Malaysia?

A Mengutamakan bahasa ibunda kaum

B Mendapat hasutan Parti Komunis Malaya

C Mahukan kuasa mutlak dalam pentadbiran

D Membentuk Kesatuan Negeri Borneo

31 Petikan berikut merupakan inti pati ucapan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Dewan Rakyat, pada 9 Ogos 1965.

"Pemisahan Singapura merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan"

Mengapakah perkara tersebut terjadi ?

A Rusuhan kaum

B Pembatalan pinjaman

C Ancaman komunis berleluasa

D Pelaksanaan pelabuhan bebas cukai

Rancangan Malaysia Pertama telah dilaksanakan dari tahun 1966 hingga 1970.

32 Apakah isu ekonomi yang perlu ditangani oleh kerajaan dalam melaksana rancangan tersebut?

I Kejatuhan harga bahan mentah

II Kebergantungan pada eksport getah

III Kemerosotan kemasukan pelabur asing

IV Ketidaksamarataan agihan modal saham

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

Tokoh berikut telah memberikan cadangan tambahan kepada Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 untuk memperkukuh semangat kekitaan dalam kalangan murid.

Abdul Rahman Talib

33 Apakah cadangan tersebut?

I Mewajibkan pembelajaran Tatarakyat

II Mengutamakan pendidikan kerohanian

III Memperkenalkan sekolah aneka jurusan

IV Memberi penekanan kepada mata pelajaran Sejarah

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

34 Rukun Negara dibentuk selepas Tragedi 13 Mei 1969.

Matlamat utamanya adalah untuk melahirkan masyarakat yang ...

A progresif

B berdaya saing

C merendah diri

D individualistik

[Lihat halaman sebelah

Gambar berikut merupakan rumah kediaman peneroka FELDA sebelum dan selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sebelum DEB

Selepas DEB

35 Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan gambar tersebut tentang kejayaan DEB ?

A Menaikkan taraf hidup rakyat

B Memudahkan pemilikan geran tanah

C Meningkatkan bilangan ahli keluarga

D Memperkayakan kebudayaan tempatan

Agensi berikut ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

* Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
* Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)

36 Apakah matlamat penubuhan agensi tersebut?

A Memodenkan teknologi

B Membangunkan wilayah

C Memberikan pinjaman modal

D Melaksanakan dasar penswastaan

Rajah berikut berkaitan dengan dasar luar negara.



37 Apakah '**Y**'?

A Memajukan teknologi

B Memupuk hubungan baik

C Melestarikan alam sekitar

D Mengelakkan penindasan kaum

38 Antara berikut manakah sumbangan Malaysia dalam menjaga keamanan rantau ASEAN?

A Menubuhkan organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)

B Mengumunkan deklarasi Zone of Peace Freedom and Neutrality (ZOPFAN)

C Menandatangani perjanjian Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA)

D Menyertai Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO)

Jadual berikut berkaitan dengan perjanjian perdagangan yang ditandatangani oleh Malaysia.

Tahun	1992
Peristiwa	Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ditandatangani

39 Apakah tujuan perjanjian tersebut dimeterai?

A Mengurangkan ancaman lanun

B Mengurangkan cukai pelabuhan

C Meningkatkan kerjasama ekonomi

D Menghapuskan monopoli kuasa besar

[Lihat halaman sebelah

40 Apakah cadangan Malaysia bagi mengatasi isu Antartika ?

A Menjadikannya warisan sejagat

B Menempatkan pasukan keselamatan

C Membenarkannya dikuasai kuasa besar

D Melarang sebarang aktiviti penyelidikan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT